946/1 Pra Pentaksiran **STPM 2023**

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

PENGAJIAN PERNIAGAAN
KERTAS 1

PRA PENTAKSIRAN
SETARA DAERAH BATU PAHAT

1 jam 45 minit

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **SEMUA** *soalan dalam Bahagian A*

Jawab soalan **11** *dalam Bahagian B*

Jawab soalan **12** *atau* **13** *dalam Bahagian B. Anda boleh menjawab kedua -dua soalan ini,* **tetapi** *hanya* **satu** *jawapan pertama yang akan diperiksa.*

Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak

Bahagian A [50 *markah*]

Jawab semua soalan berikut :

1. Nyatakan **empat** jenis pemilikan entiti perniagaan. [4]

2. Jelaskan tahap perniagaan primer, sekunder dan tertiar. [6]

3. Jelaskan **dua** jenis pengeluaran. [6]

4. Huraikan **dua** kaedah pemeriksaan yang boleh digunakan dalam aktiviti pengeluaran. [6]

5. Huraikan **tiga** langkah yang pertama dalam proses pemasaran bagi sesebuah organisasi [4]

6. Huraikan **dua** perbezaan sasaran pasaran dengan peletakan pasaran dari aspek skop liputan dan penetapan strategi. [4]

7. Berikan **empat** kepentingan pengurusan kewangan. [4]

8. Huraikan **tiga** jenis sumber dana mengikut jangka masa pendek. [6]

9. Terangkan yang berikut:
   i. Penghuraian kerja [2]
   ii. Spesifikasi kerja [2]

10. Huraikan **tiga** skim kemudahan penamatan perkhidmatan dalam sesebuah organisasi. [6]

Bahagian B [50 *markah*]

Nestle Kukuhkan Integriti ProdukHalal Ketika Pandemik

11 Nestle (Malaysia) Bhd sebagai satu pengeluar makanan halal terbesar di dunia, Nestle bertanggungjawab dan terus komited memperkukuhkan integriti halal agar dapat terus menjaga keyakinan pengguna. Pengerusi Jawatankuasa Halal Nestlé dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Halal, Nestlé Malaysia, Othman Mohd Yusoff, menyatakan peneraju industri makanan tempatan melebihi 100 tahun, pihaknya bangga menjadi jenama utama industri halal global yang mengeksport produk makanan halal buatan tempatan ke lebih 50 negara.

Peranan Nestle dalam pembuatan produk halal dan terbabit dengan pelbagai aktiviti rantaian bekalan makanan termasuk pengeluaran, penyimpanan, pergudangan dan pengedaran produk halal. Ini merangkumi pemilihan bahan mentah dan ramuan yang menjadi keutamaan dalam operasi Nestle. Kesemua bahan mentah dan ramuan mesti memenuhi sepenuhnya syarat halal yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan perbadanan halal yang diiktiraf oleh JAKIM. Nestle menerajui piawaian halal dalaman yang diguna pakai sebagai dasar dan pendekatan untuk semua syarikat Nestlé di dunia dalam penerapan nilai serta pengeluaran produk halal pada tahun 1997. Piawaian dalaman diperkenalkan untuk memastikan semua produk halal Nestle seluruh dunia memenuhi keperluan dasar produk halal khususnya bagi pasaran yang tidak ada peraturan halal.

Bagi pasaran yang mempunyai peraturan halal, keperluan yang lebih ketat akan dipatuhi supaya tahap integriti dan kredibiliti pensijilan halal sentiasa terjaga. Nestle menjalankan pengauditan halal ke atas pembekal untuk memastikan setiap proses termasuk pemilihan bahan mentah, pembuatan produk dan logistik bukan sahaja memenuhi aspek pematuhan malah menepati keperluan kualiti serta keselamatan makanan. Neslte juga memastikan pematuhan halal yang baik dari segi pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan bagi menjamin produk halal sentiasa dilindungi dalam pembungkusan serta kontena. Selain itu akan memastikan semua produk Nestle disimpan dalam persekitaran bersih dan terhindar daripada sebarang pencemaran.

Mengenai cabaran dan halangan operasi serta rantaian bekalan pada musim pandemik COVID-19, Nestlé sudah meneliti dan menilai risiko gangguan terhadap rantaian bekalan sejak awal lagi. Nestle telah merangka strategi dan inisiatif bagi langkah memastikan kesinambungan integriti halal dengan bekalan termasuk bahan mentah, ramuan dan bahan pembungkusan terkawal. Malahan usaha dijalankan bagi menjamin pengeluaran dan pengedaran makanan atau minuman Nestle kepada pengguna tidak terputus. Cabarannya pula dalam memastikan pematuhan piawaian halal berterusan dalam rantaian bekalan ketika pandemik ini. Sekatan pergerakan dan batasan aktiviti pekerja di lokasi sedikit sebanyak mengganggu kebolehupayaan Nestle untuk turun padang melaksanakan audit serta penilaian halal.

946/1

Pra Pentaksiran

STPM 2023

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

PENGAJIAN PERNIAGAAN

JAWAPAN PRA PENTAKSIRAN

SETARA DAERAH BATU PAHAT

Bahagian A [50 *markah*]

1.Nyatakan **empat** jenis pemilikan entiti perniagaan. [4]

i) Pemilikan Tunggal
ii) Perkongsian
iii) Syarikat
iv) Koperasi

[Fakta 1m x 4 = 4m]

2. Jelaskan tahap perniagaan primer, sekunder dan tertiar. [6]

a) Tahap perniagaan primer

- Aktiviti pengeluaran sumber semula jadi /bahan mentah yang diperoleh dari alam semula jadi.[1m]
- Aktiviti pengeluaran semula jadi tanpa mengubah bentuk asalnya untuk proses pengeluaran selanjutnya.[1m]
- C : perniagaan tahap primer ialah pembalakan dimana aktiviti perniagaan mengeluarkan kayu balak dari hutan. [1m]

b) Tahap perniagaan sekunder[1m]

- Aktiviti pembinaan /pemprosesan bahan mentah yang didapati daripada aktiviti primer. [1m]
- Memproses bahan mentah yg dihasilkan dari tahap primer kpd barang siap/barang separuh siap.
- Merangkumi aktiviti pembuatan /perkilangan.[1m]
- Contoh: aktiviti perniagaan kayu balak diproses di kilang untuk dijadikan papan/perabot. [1m]

c) Tahap perniagaan tertiar[1m]

- Aktiviti melibatkan perkhidmatan /produk tidak ketara yang tidak perlu diproses lagi. [1m]
- Aktiviti perniagaan tertiar menjadi sokongan kepada perniagaan tahap primer dan sekunder supaya barang yang dikeluarkan dapat kepada pengguna akhir dengan lancar.[1m]
- C: perkhidmatan perbankan dimana ia memberi pinjaman kepada pemilik perniagaan.[1m]

[Huraian 1m + 1C=2m x 3 =6m]

5. Huraikan **tiga** langkah yang pertama dalam proses pemasaran bagi sesebuah organisasi. 6m

***Tiga** langkah terawal dalam proses pemasaran ialah* :

i) Menilai peluang-peluang pemasaran[1m]

- Pemasar membuat kajian pasaran dan mengenal pasti keseluruhan pasaran dan peluang pasaran[1m]
- Pemasar akan mengenal pasti produk dan potensi pasaran terhadap produk.[1m]

ii) Memilih sasaran pasaran[1m]

- Pemasar memfokuskan kpd aktiviti segmentasi pasaran, penyasaran sasaran dan peletakan pasaran.
- Pemasar membahagikan pasaran besar kepada segmen pasaran kecil berdasarkan ciri-ciri pengguna

iii) Membina campuran pemasaran[1m]

- Pemasar merancang dan membentuk strategi pemasaran yang sesuai dengan produk dan segmen pasaran yang dipilih.[1m]
- Pemasar membentuk campuran pemasaran yang terdiri daripada produk, pengedaran, penentuan harga dan promosi bagi segmen pasaran tertentu.[1m]

[3Fakta + 3Huraian = 6m]

6.Huraikan **dua** perbezaan sasaran pasaran dengan peletakan pasarandari aspek skop liputan dan penetapan strategi [4]

***Dua** perbezaan sasaran pasaran dengan peletakan pasaran ialah:*

Dimensi	Sasaran pasaran	Peletakan pasaran
skop liputan	Proses menilai daya tarikan sesuatu kumpulan pengguna yang disasarkan dan memilih satu atau lebih segmen untuk dimasuki / ditembusi [1m]	Proses /Usaha menempatkan dan meletakkan produk dalam satu kedudukan yang lebih baik berbanding produk pesaing dalam minda pengguna Ia melibatkan berkait dengan pembentukan imej positif, ciri-ciri dan kualiti tersendiri bagi membezakan dengan produk pesaing [1m]
penetapan strategi	Pemasaran tidak dibezakan, dibezakan, Pemasaran dibezakan Pemasaran tertumpu dan Pemasaran mikro [1m]	Atribut produk, manafaat, kekerapan penggunaan,pengguna dan klasifikasi produk, [1m]

[4 Huraian = 4 m]

7. Senaraikan **empat** kepentingan pengurusan kewangan. [4]

***Empat** kepentingan pengurusan kewangan*

F1-membuat perancangan kewangan perniagaan
F2- Pengagihan sumber kewangan mengikut peruntukan yg ditetapkan
F3- mengawal penggunaan kewangan setiap jabatan
F4-Mengelak berlaku penyelewengan kewangan
F5- Menggunakan sumber kewangan dengan cekap
F6-menjaga kecairan & keberuntungan syarikat
F7- menilai & memilih sumber pembiayaan yg terbaik
F8- mengurus struktur aset

[mana 4 Fakta = 4m]

11a) Tiga pendekatan kawalan kualaiti yang dilaksanakan oleh Nestle ialah:

i) Kawalan input

H: kawalan input merujuk kepada kawalan awalan yang dilaksanakan sebelum pengeluaran / sebelum sebarang kerosakan berlaku

Kaitan kes:-

K1: Ini merangkumi pemilihan bahan mentah dan ramuan yg menjadi keutamaan dalam operasi Nestle **[9-10]**

K2: Kesemua bahan mentah dan ramuan mesti memenuhi sepenuhnya syarat halal yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan perbadanan halal yang diiktiraf oleh JAKIM **[10-12]**

K3: Piawaian dalaman diperkenalkan untuk memastikan semua produk halal Nestle seluruh dunia memenuhi keperluan dasar produk halal khususnya bagi pasaran yang tidak ada peraturan Halal **[15-17]**

K4:Nestle menjalankan pengauditan halal ke atas pembekal untuk memastikan setiap proses termasuk pemilihan bahan mentah, pembuatan produk dan logistik bukan sahaja memenuhi aspek pematuhan. **[19-22]**

K5: malah menepati keperluan kualiti serta keselamatan makanan**.[22-23]**

K6: Neslte juga memastikan pematuhan halal yang baik daripada segi pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan bagi menjamin produk halal **[23-24]**

K7: Nestle telah merangka strategi dan inisiatif bagi langkah memastikan kesinambungan integriti halal dengan bekalan termasuk bahan mentah, ramuan dan bahan pembungkusan terkawal. **[29-31]**

ii) Kawalan Proses

H: Kawalan proses merujuk kepada kawalan semasa proses pengeluaran sedang dijalankan

Kaitan kes:-

K8: sentiasa dilindungi di dalam pembungkusan serta kontena. **[24-25]**

K9: Selain itu akan memastikan semua produk kami disimpan dalam persekitaran bersih dan terhindar daripada sebarang pencemaran**.[25-26]**

iii) Kawalan Output

H: kawalan dilaksanakan setelah/ selepas sesuatu proses pengeluaran tamat

kaitan kes:-

K10: menjadi jenama utama industri halal global yang mengeksport produk makanan halal buatan tempatan ke lebih 50 negara.[**6]**

K11: Syarikat ini juga melaksanakan audit secara virtual**.[39]**

K12: Keadaan ini membolehkan Nestle terus memantau pematuhan halal dan memastikan jaminan produk halal kepada pengguna di dalam situasi pandemik yang mencabar ini [**39-41]**

K13: Selain keupayaan audit, penilaian dan perbincangan secara virtual **[41-42]**

K14: syarikat ini juga memberi latihan serta bantuan teknikal dengan kaedah sama untuk meningkatkan pemahaman dalam memberi bimbingan meneruskan kawalan halal yang baik dalam kalangan pembekal Nestle **[42-44]**

[(3F + 3H + 3KK= 9m)+(11 KK EKSTRA) = 20m]

12. Jelaskan Lima aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran [20m]

Lima aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran ialah:

a. Pengeluaran ekstraktif

- Aktiviti pengeluaran bahan mentah yang boleh didapati dari sumber semulajadi
- Digunakan sebagai bahan mentah utk menghasilkan barang siap/barang separuh siap
- Sumber yang dikeluarkan tidak mengalami perubahan bentuk
- Contohnya aktiviti pembalakan, perladangan, perikanan dan perlombongan

b. Pengeluaran barangan pengguna

- Aktiviti pengeluaran barang untuk kegunaan pengguna akhir
- Barang siap yang boleh dinikmati oleh penguna akhir
- Barang ini dibeli oleh pengguna untuk kegunaan sendiri atau keluarga bukan untuk tujuan perniagaan
- Contoh: gula, telur dan minyak untuk kegunaan pengguna akhir untuk membuat kek di rumah

c. Pengeluaran barangan industri

- Aktiviti pengeluaran barang dan menjualnya untuk keperluan perniagaan lain / industri
- Barang ini dibeli bertujuan untuk dijual semula atau diproses semula untuk menghasilkan barang barangan baharu utk membantu operasi perniagaan
- Barang ini bukan tujuan untuk kegunaan sendiri
- Contoh: gula, telur dan minyak untuk kegunaan kedai bakeri untuk menghasilkan kek yang dijual kepada pelangganya

d. Pembuatan

- Aktiviti pemprosesan bahan mentah utk menghasilkan barang separuh siap / barang siap
- Melibatkan proses tambah nilai seperti perubahan bentuk , warna , saiz
- Aktiviti untuk menghasilkan produk dengan memproses dan menggunakan sumber-sumber spt bahan mentah, manusia, mesin dan teknologi utk memenuhi kehendak pelanggan
- Contoh: Memproses minyak sawit untuk menghasilkan margerin

e. Pemasangan

- Aktiviti memasang komponen untuk menghasilkan barang siap
- Komponen-komponen terdiri daripada barang separa yang disediakan oleh kilang lain atau jabatan pengeluaran yang lain
- Contoh: pemasangan komponen motorsikal spt : lampu, enjin , cermin, rangka motorsikal untuk kilang pemasangan kereta

[(1F + 2H + 1C= 4m) x 5 = 20m]

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta